

## Pemerolehan Klausa Relatif Dalam Kalangan Kanak-kanak Melayu: Satu Kajian Awal

Norsofiah Abu Bakar  
[abnorsofiah@gmail.com](mailto:abnorsofiah@gmail.com)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Rogayah A. Razak  
[rogayah@ukm.edu.my](mailto:rogayah@ukm.edu.my)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Lim Hui Woan  
[huiwoan@yahoo.com](mailto:huiwoan@yahoo.com)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Kajian awal ini mengkaji perkembangan pemerolehan struktur sintaksis iaitu struktur klausa relatif dalam kalangan kanak-kanak Melayu di Lembah Klang. Objektif kajian adalah untuk menentukan kebolehan penggunaan struktur klausa relatif dalam kalangan kanak-kanak Melayu merentasi dua kelompok umur yang berbeza. Objektif kedua, adalah untuk menentukan sama ada pemerolehan struktur klausa relatif bersifat *developmental*/perkembangan berdasarkan peningkatan umur. Di samping itu, kajian ini juga akan menganalisis kesalahan yang dihasilkan oleh kanak-kanak tersebut berdasarkan kategori tertentu untuk menunjukkan aspek perkembangan dalam pemerolehan struktur klausa relatif. Enam kanak-kanak dipilih sebagai subjek kajian dan dibahagikan kepada dua kumpulan: kumpulan tadika dan kumpulan sekolah rendah tahap satu. Data dikutip melalui dua cara utama – (i) aktiviti padanan ayat-gambar untuk menguji kebolehan pemahaman struktur klausa relatif (ii) aktiviti Pilihan Gambar dan Huraian Gambar untuk menguji kebolehan penghasilan klausa relatif. Kedua-dua jenis ujian ini merangkumi dua struktur klausa relatif iaitu struktur klausa relatif subjek (KRS) dan klausa relatif objek (KRO). Dapatan kajian memperlihatkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan subjek tadika dan kumpulan subjek sekolah rendah bagi kebolehan kefahaman klausa relatif tetapi wujud perbezaan yang signifikan antara kumpulan bagi kebolehan penghasilan klausa relatif. Kebolehan kumpulan subjek tadika dalam menghasilkan struktur KRO adalah agak terhad. Sementara itu, struktur KRO juga belum sepenuhnya dikuasai oleh kumpulan subjek sekolah rendah. Ini bermaksud bahawa struktur KRO didapati agak lewat diperolehi dan perkembangannya masih berterusan sehingga kanak-kanak berusia melampaui umur 9 tahun. Walau bagaimanapun, skor min subjek didapati meningkat sejajar dengan peningkatan umur. Dapatan analisis kualitatif menunjukkan subjek menggunakan strategi pemudahan ayat dan strategi penggantian. Didapati kumpulan subjek menggunakan dua variasi bahasa Melayu: subjek tadika cenderung menggunakan variasi bahasa Melayu kolokial berbanding kumpulan subjek sekolah rendah yang cenderung menggunakan variasi bahasa Melayu standard dan dikotomi ini dengan ketara mempengaruhi prestasi mereka di dalam aktiviti yang dijalankan.

**Kata kunci:** kebolehan sintaksis; klausa relatif; bahasa Melayu; pemerolehan bahasa; kanak-kanak Melayu

## The Acquisition Of Relative Clause Among Malay Children: An Initial Study

### ABSTRACT

This initial study examines the development of the acquisition of relative clauses among Malay children in the Klang Valley. The objectives of the study were to determine the abilities of Malay children in using relative clause structures in Malay across two different age groups and to determine whether the acquisition of relative clauses is developmental in nature i.e. developing across the age range. In addition, this study will also analyze the error patterns produced by the subjects based on specific error categories in order to show the developmental nature of the acquisition of Malay relative clauses. Six subjects were recruited and divided into two groups: the preschool children and the primary school children aged seven. Data was collected using two main methods: (i) sentence-picture matching - to test the comprehension of relative clause structures and (ii) picture selection and picture description- to test the production abilities of relative clauses. Both activities test the abilities of subjects to comprehend and produce subject relative clauses (SRC) and object relative clauses (ORC). The findings showed that there was no significant difference between the preschool children and the primary school children in terms of the comprehension abilities of relative clauses, but there was a significant difference in terms of the production of relative clauses. The preschool children have limited abilities in the ORC when compared to the primary school subjects. Incidentally, the ORC structures have yet to be acquired by the primary school children. The ORC structures are acquired quite late and the development of relative clauses is still continuing among the primary school children. However, it was found that the mean score obtained increased with the increase in age. The qualitative analysis showed that subjects used strategies such as the simplification and substitution strategy. The subjects also use different language varieties: the preschool subjects tended to use colloquial Malay variety, while the primary school children used the standard Malay, and this dichotomy greatly affected their performance in the activities.

**Keywords:** syntactic ability; relative clause; Malay language; language acquisition; Malay children

### PENDAHULUAN

Di Malaysia, maklumat tentang kecelaruan bahasa seperti kecelaruan spesifik bahasa atau *specific language impairment* (selepas ini hanya 'SLI') dan proses untuk mengenal pasti kanak-kanak yang berisiko kepada SLI adalah agak terhad. Kanak-kanak SLI dapat didefinisikan sebagai kanak-kanak yang kebolehan berbahasanya tidak sepadan dengan tahap umurnya (sekurang-kurangnya setahun berbanding rakan sebaya). Kecelaruan bahasa ini bukan disebabkan oleh masalah pendengaran, kecerdasan IQ, masalah emosi, masalah artikulasi dan status neurologi (Stark & Tallal, 1981). Lazimnya, kebolehan bahasa kanak-kanak dengan SLI didiagnos oleh terapis pertuturan-bahasa melalui penilaian yang menggunakan ujian piawai seperti ujian penilaian pendengaran, ujian IQ bukan-verbal, ujian bahasa piawai, pemeriksaan oro-motor dan ujian neurologi Leonard (1998). SLI bukan sahaja melibatkan kanak-kanak monolingual (Woon et al., 2014) tetapi juga kanak-kanak multilingual (Ooi & Wong, 2012). Kanak-kanak yang berisiko terhadap SLI tidak dapat dikenal pasti lebih awal atau tidak dikenal pasti langsung disebabkan oleh ketiadaan alat atau

ujian normatif tempatan yang dapat digunakan untuk menilai dan mengenal pasti kanak-kanak tersebut (Ooi & Wong, 2012; Woon et al., 2014).

Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk mengenal pasti tahap bahasa kanak-kanak SLI, kajian tentang proses perkembangan bahasa bagi kanak-kanak normal yang mengalami perkembangan tipikal harus diteliti. Penyelidikan ke atas perkembangan bahasa kanak-kanak tipikal bagi keperluan terapi pertuturan-bahasa di Malaysia juga adalah terhad. Klausa relatif merupakan struktur sintaksis yang penting diperoleh oleh kanak-kanak. Oleh itu, penelitian ke atas pemerolehan klausa relatif dalam kalangan kanak-kanak normal adalah kajian yang penting dijalankan. Maklumat tentang kebolehan kanak-kanak normal memperoleh struktur klausa relatif adalah penting untuk mengetahui ketidaknormalan bahasa kanak-kanak dengan SLI. Hanya dengan mengetahui apa yang normal barulah kita dapat memperincikan apa yang tidak normal.

Kajian ini merupakan kajian rintis untuk menentukan sama ada struktur sintaksis seperti klausa relatif adalah struktur yang sensitif kepada proses perkembangan bahasa kanak-kanak, khususnya pada tahap pemahaman dan penghasilan bahasa. Analisis kajian rintis ini dibahagikan kepada analisis kuantitatif dan analisis kualitatif. Analisis kuantitatif bertujuan untuk menentukan sama ada klausa relatif adalah sensitif terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak. Manakala analisis kualitatif menghuraikan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak dan dapatan ini berpotensi untuk digunakan sebagai pembeza kanak-kanak Melayu yang perkembangan bahasanya tipikal dan atipikal. Klausa relatif menjadi fokus kajian ini kerana klausa relatif merupakan salah satu struktur yang pembentukannya melibatkan proses sintaksis yang kompleks dan tertakluk kepada kebergantungannya kepada pergerakan jarak jauh (*long distance dependencies*) (Natalie, Hermon & Zukowski, 2009). Di samping itu, kajian-kajian ke atas kanak-kanak dengan SLI mendapati bahawa klausa relatif merupakan struktur yang paling sukar diperoleh (Contemori & Garraffa, 2010; Friedmann & Novogrodsky, 2004; Håkansson & Hansson, 2000). Maklumat yang didapati daripada penelitian ini akan dapat digunakan ke arah membina alat penilaian bahasa untuk mendiagnos kanak-kanak SLI. Maklumat ini juga dapat memperihalkan kesukaran yang dihadapi kanak-kanak SLI dalam menggunakan bahasa Melayu. Di samping itu, maklumat tentang pemerolehan klausa relatif juga dapat digunakan untuk menentukan sama ada struktur klausa relatif berpotensi menjadi penanda klinikal bagi kanak-kanak Melayu dengan SLI.

Klausa relatif bahasa Melayu merujuk kepada ayat kompleks yang ditandai dengan penanda 'yang' dan merupakan ayat atau klausa yang dipancarkan kepada kepala frasa nama dan berfungsi untuk menerangkan kepala kata nama dalam frasa nama tersebut. (Nik Safiah et al., 2009). Manakala Za'ba (2000), Asmah (2009) dan Yeoh (1983) mencatatkan bahawa klausa relatif ialah klausa yang ditandai penanda 'yang' dan merupakan ayat kecil atau klausa yang menjadi penerang kepada frasa nama/determiner. Dalam makalah ini binaan frasa nama akan dirujuk sebagai frasa determiner (FDet).<sup>1</sup>

Contoh binaan klausa relatif berdasarkan pandangan beberapa orang ahli bahasa adalah seperti berikut:

- (1) Bas *yang* dinaiki adik saya itu bas ekspres. (Nik Safiah et al., 2009)
- (2) Rumah *yang* besar itu rumah pengurus. (Asmah, 2009)
- (3) Bolehkah tuan pinjamkan kepada saya buku *yang* tuan katakan itu?  
(Za'ba, 2000)
- (4) Buku *yang* di atas meja itu buku saya. (Yeoh, 1983)

Ayat (1) hingga (4) merupakan ayat variasi bahasa Melayu standard. Variasi bahasa Melayu kolokial<sup>2</sup> juga mempunyai struktur klausa relatif dan adalah menarik untuk dikaji. Kajian tentang pemerolehan klausa relatif dalam kalangan kanak-kanak Melayu amat terhad dijalankan. Dalam kajian pemerolehan sintaksis kanak-kanak yang dijalankan di luar negara,

klausa relatif merupakan salah satu struktur ayat yang sukar diperoleh oleh kanak-kanak terutamanya bagi kanak-kanak yang lebih muda (dalam lingkungan umur 4-6 tahun) merentasi bahasa (Adani et al., 2010; Contemori & Garraffa, 2010; Håkansson & Hansson, 2000; Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kebolehan sintaksis kanak-kanak tadika yang berumur 4;6, 5;6 dan 6;3 tahun dan kanak-kanak sekolah rendah tahap satu yang berusia di antara 7;8, 8;6 dan -9;6 tahun. Makalah ini mempunyai beberapa objektif iaitu pertama, untuk menentukan kebolehan penggunaan struktur klausa relatif dalam kalangan kanak-kanak Melayu tipikal/normal dan objektif kedua, untuk menentukan sama ada pemerolehan struktur klausa relatif bersifat *developmental* atau berkembang berdasarkan peningkatan umur. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan pola kesalahan yang dihasilkan oleh kanak-kanak tersebut.

### TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Pembentukan ayat relatif melibatkan pemancangan klausa subordinat kepada klausa bebas (Tallerman, 1998). Dalam tipologi bahasa, klausa relatif dikelaskan berdasarkan urutan klausa relatif sama ada mendahului kepala FDet atau sebaliknya (Tallerman, 1998). Contohnya dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, klausa relatif hadir selepas FDet kepala (ayat 5 & 6) akan tetapi dalam bahasa Basque klausa relatif mendahului kepala (Tallerman, 1998) (ayat 7).

(5) That paper (which) we discussed last week. (Inggeris) (Tallerman, 1998)

**FDET** [A REL]

(6) Rumah yang di hujung kampung itu rumah Saya

**FDET** [A REL]

Ayat (5-6) berbeza dengan ayat (7) bahasa Basques yang menunjukkan ayat relatif mendahului FDet.

(7)

**Orixe dâ [txakurra ekarrí dabe-n] mutilla (Basques)**

**that is dog bring AUX-COMPLIMENTIZER boy**

‘That is the boy [who\_\_brought the dog].’

[A REL ]

**FDET**

(Tallerman, 1998)

Secara teorinya, fenomena pemerolehan klausa relatif telah dikaji daripada proses sintaksis dan didapati bahawa kesukaran yang dihadapi oleh kanak-kanak adalah hasil daripada proses sintaksis tersebut. Proses tersebut melibatkan prinsip sintaksis yang berkenaan, iaitu Hipotesis Jarak Minimal Relatif (*Relativized Minimality Hypothesis*), Hipotesis Jarak Struktur, bentuk kanonikal dan Hipotesis Linear Jarak-Pengisi (Natalie Hsu, Hermon dan Zukowski, 2009; Friedmann, Belletti dan Rizzi, 2009). Secara khususnya, kanak-kanak didapati sukar memperoleh struktur klausa relatif subjek (KRS) dan klausa relatif objek (KRO) disebabkan oleh kekompleksan proses sintaksis tersebut. Friedmann, Belletti dan Rizzi (2009) mengemukakan idea Jarak Minimal Relatif (*Relativized Minimality*) yang mengandaikan bahawa prinsip lokaliti atau setempat memberi kesan kepada proses pembentukan ayat relatif disebabkan kehadiran nodus penghalang (*intervening nodes*) dalam ayat. Secara lebih khusus, operasi Jarak Minimal Relatif ditunjukkan dalam konfigurasi (8):

(8) X...Z...Y (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009)


Dalam konfigurasi (8), rangkaian hubungan setempat antara X dan Y tidak dapat bertahan jika Z hadir sebagai penghalang (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009).

Kanak-kanak sukar untuk memahami unsur kepala bagi klausa relatif disebabkan oleh kehadiran elemen penghalang (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009). Hal ini bermaksud subjek ketara (*overt*) dipancangkan antara kepala FDet dan gatra kosong (*gap*) di kedudukan asal dalam ayat (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009). Contoh kehadiran nodus penghalang dalam klausa relatif bahasa Inggeris adalah seperti dalam ayat (9) dan (10):

(9) Ayat relatif subjek kepala (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009)

... the cow that \_\_\_\_\_ kisses the Chicken  
 ... D NP R ... \_\_\_\_\_ ... D NP


(10) Ayat relatif objek kepala (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009)



... the chicken that the cow kisses \_\_\_\_\_  
 ... D FN R ... D FN

Ayat (9) tidak mengandungi elemen penghalang antara gatra kosong dan unsur FDet yang digerakkan, tetapi ayat (10) mengandungi elemen penghalang apabila ‘the chicken’ digerakkan merentasi FD ‘the cow’ (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009). Dalam struktur KRO, subjek ketara yang dipancangkan menjadi penghalang antara unsur kepala relatif dan gatra kosong di kedudukan asal. Elemen penghalang telah menyebabkan struktur KRO sukar untuk difahami atau dihasilkan oleh kanak-kanak. Jika sesuatu struktur klausa relatif tidak mengandungi elemen penghalang, maka ayat tersebut akan menjadi mudah untuk difahami. Contohnya dalam klausa relatif *impersonal pro objek relative* dalam (11):

(11) Klausa relatif objek *impersonal pro* (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009)



The boy who (someone/they) kiss him \_\_\_\_\_  
 D NP R .....pro arb..... Pronoun

Selain daripada nodus penghalang, jarak juga mempengaruhi kebolehan kanak-kanak memahami dan menggunakan struktur KRO. Natalie Hsu, Hermon dan Zukowski (2009) telah mengemukakan tiga hipotesis untuk menjelaskan proses pemerolehan klausa relatif kanak-kanak berbahasa Mandarin di Taiwan. Hipotesis-hipotesis tersebut ialah Hipotesis Urutan Kata Kanonikal (*Canonical Word Order*), Hipotesis Jarak Linear Pengisi-Gatra Kosong (*Filler-gap Linear Distance Hypothesis*) dan Hipotesis Jarak struktur (*Structural Distance Hypothesis*). Hipotesis urutan kata kanonikal mengandaikan bahawa kanak-kanak yang menerima input linguistik urutan kanonikal Subjek-Kata Kerja-Objek (SKO) akan membentuk binaan ayat mengikut urutan kanonikal dan binaan ini dijadikan rujukan bagi mengenali dan menghasilkan ayat lain. Berdasarkan hipotesis ini, diandaikan bahawa kanak-kanak boleh menghasilkan struktur KRS kerana struktur ayat tersebut mengikut struktur kanonikal (SKO) dan strukturnya berbeza daripada struktur KRO yang mempunyai urutan bukan-kanonikal (OSK) (Diessel & Tomasello, 2005; Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009). Contohnya:

- (12) a. The girl likes the cat. (SKO)  
 b. the girl [that \_\_ likes the cat] (klausa relatif subjek)  
 c. the cat [that the girl likes \_\_] (klausa relatif objek)  
 (Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009)


Hipotesis Jarak Linear antara Pengisi-Gatra Kosong pula mengandaikan bahawa tempat pendaratan setempat (*locality*) yang jauh antara gatra kosong dan pengisi melibatkan lebih banyak proses untuk mengenal pasti elemen asal yang digerakkan ke kedudukan lain dan ini menyukarkan lagi pemprosesan sesuatu ayat (Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009). Bagi bahasa yang mengandungi klausa relatif berkepala awal dan klausa relatif gatra kosong-subjek adalah lebih mudah diproses berbanding klausa relatif gatra kosong-objek (Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009). Hal ini kerana proses pendaratan bagi gatra kosong-pengisi subjek adalah lebih dekat jaraknya berbanding gatra kosong-pengisi objek (Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009) yang melibatkan jarak yang lebih jauh. Contohnya ayat dalam bahasa Inggeris (13):

- (13) a. Klausa Relatif Gatra kosong-Subjek: the girl [who \_\_ likes the boy]  
 b. Klausa Relatif Gatra kosong-Objek: the boy [who the girl likes \_\_]  
 (Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009)

Ayat (13a) tidak mengandungi elemen penghalang antara pengisi (*girl*) dengan gatra kosong tetapi ayat (13b) mempunyai dua elemen rujukan iaitu (*girl, likes*) yang menjadi penghalang antara 'the boy' (pengisi) dan gatra kosongnya.

Hipotesis ketiga iaitu Hipotesis Jarak Struktur mengandaikan bahawa jarak antara pengisi dan gatra kosong meliputi nodus unjuran maksimal (frasa XP), nodus pertengahan ( $X^0$ ) dan nodus terminal (leksikal) dalam hierarki struktur klausa (Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009). Berdasarkan hipotesis ini, bagi bahasa Inggeris contohnya, klausa relatif gatra-objek adalah struktur yang sukar bagi kanak-kanak kerana derivasinya melibatkan pemancangan kepada struktur yang terletak jauh ke dalam struktur klausa seperti diperlihatkan dalam ayat (14a-b).

- (14) a. KR subjek-gatra kosong                      b. KR objek-gatra kosong



Dapatan di atas sejajar dengan dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai perkembangan bahasa normal bermula daripada 2 – 5 tahun akan menghadapi kesukaran untuk memahami dan menghasilkan klausa relatif objek

(Belletti et al., 2012; Diessel & Tomasello, 2005; Fluck, 1978; Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009; Friedmann & Costa, 2010; Friedmann & Novogrodsky, 2004; Håkansson & Hansson, 2000; McKee, McDaniel & Snedeker, 1998; Tavakolian, 1981). Ternyata klausa relatif merupakan klausa yang sukar dan lewat diperoleh oleh kanak-kanak.

Walaupun terdapat bukti yang menunjukkan bahawa keupayaan kanak-kanak terhadap klausa relatif objek agak terbatas, ini bukan bermakna semua klausa relatif objek adalah sukar. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa struktur KRO boleh difahami dan dihasilkan oleh kanak-kanak (Diessel & Tomasello, 2005; Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009). Kajian yang dilakukan oleh Friedmann, Belletti dan Rizzi (2009) mendapati bahawa prestasi kanak-kanak berbahasa Herbrew adalah baik dalam struktur KRO jati (87%) dan klausa relatif *impersonal pro objek relative* (90%). Contohnya:

(15)

Tare Li et ha-sus she-mesarkim oto.  
Show to-me ACC the-horse that-brush-pl him.

‘Show me the horse that someone is brushing.’ (Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009)

Dalam ujian pengulangan klausa relatif oleh Diessel & Tomasello (2005), didapati kanak-kanak berbahasa Inggeris dan Jerman boleh mengulangi klausa relatif yang mengandungi kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan gatra kosong subjek (*subject gap*). Namun, kanak-kanak penutur kedua-dua bahasa ini sukar menghasilkan klausa relatif yang mengandungi fitur genitif. Contohnya,

(16) This's the woman whose cat caught a mouse yesterday (bahasa Inggeris)

(Diessel & Tomasello, 2005)

(17) Da ist die Frau, deren Katze eine Maus gefangen hat. (bahasa Jerman)

'There is the woman whose cat caught a mouse

(Diessel & Tomasello, 2005)

Oleh itu, diperlihatkan bahawa walaupun terdapat kesukaran memproses struktur klausa relatif namun kesukarannya bergantung kepada ciri-ciri tatabahasa sesuatu bahasa.

Penelitian ke atas penggunaan ayat relatif dalam kalangan kanak-kanak Melayu agak terhad dikaji. Norhaida (2007) meneliti pemerolehan ayat tanya-*wh* kanak-kanak Melayu di Singapura yang berumur 4;5-6;6 tahun yang melibatkan struktur klausa relatif subjek dan objek dan kekangan kepulauan ayat tanya-*wh*. Data dikutip daripada kombinasi penggunaan bahasa spontan dan natural oleh kanak-kanak, dan kaedah elisitasi melalui cerita-bergambar (tahap pemahaman) dan imitasi (tahap penghasilan). Hasil daripada kaedah tersebut, untuk kemahiran pemahaman, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor prestasi kanak-kanak dalam klausa relatif adalah tinggi. Bagi ayat tanya *wh- in situ* respons subjek adalah sebanyak 81.3% (KRS) dan 81% (KRO) dan gerak *wh-* 73% (KRS) dan 79% (KRO). Manakala, untuk penghasilan, skor prestasi subjek dalam KRO adalah 35% (ayat tanya gerak *wh-*) dan 45.0% (ayat tanya *wh in situ*) dan skor prestasi subjek dalam KRS adalah 36.3% (ayat tanya gerak *wh-*) dan 32.5% (*wh in situ*). Sementara itu, dapatan kualitatif menunjukkan kanak-kanak sukar menghasilkan kata relatif ‘yang’ terutamanya pada kedudukan kepala klausa relatif. Contohnya,

(18) Siti cubit apa yang buang kat longkang.

(Norhaida, 2007)

Di samping itu, didapati bahawa kanak-kanak menggugurkan kata relatif ‘yang’ untuk struktur KRO tetapi tidak menggugurkannya untuk struktur KRS. Contoh respons kanak-kanak dalam (19) dan (20):

- (19) Struktur KRO  
Nora nampak lori kat langgar apa kat situ? (Norhaida, 2007)
- (20) Struktur KRS  
Orang yang jahit baju yang tengah sapu bilik? (Norhaida, 2007)

Dapatan Norhaida (2007) menunjukkan bahawa kanak-kanak Melayu berupaya untuk memahami pemancangan struktur klausa relatif dalam ayat tanya *wh*-. Kebolehan pemerolehan klausa relatif adalah sejajar dengan perkembangan umur. Kajian tersebut juga memperlihatkan bahawa tahap kematangan kanak-kanak mempengaruhi kebolehan tatabahasa mereka.

Berdasarkan tinjauan yang dikemukakan, ternyata bahawa struktur KRO merupakan struktur sintaksis yang paling sukar difahami dan dihasilkan oleh kanak-kanak dalam lingkungan umur 2 hingga 5 tahun. Makalah ini akan melanjutkan perbincangan ini dengan melihat sama ada penguasaan klausa relatif ini bersifat perkembangan/ *developmental* yakni merentasi umur kelompok kanak-kanak tadika sehingga kelompok kanak-kanak tahap satu sekolah rendah. Faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi kebolehan ini akan diuraikan iaitu faktor umur kanak-kanak, struktur klausa relatif yang kompleks, variasi bahasa Melayu yang digunakan dalam klinik dan akhirnya strategi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam menguasai struktur klausa relatif.

## METODOLOGI

### PESERTA

Subjek kajian terdiri daripada empat orang kanak-kanak lelaki dan dua orang kanak-kanak perempuan yang berumur 4;6–9;6 tahun. Keenam-enam orang subjek memperlihatkan perkembangan yang tipikal. Ujian statistik menunjukkan perbezaan min umur kedua-dua subjek kumpulan adalah signifikan ( $p = .02$ ). Jadual 1 menunjukkan bilangan subjek berdasarkan jantina dan umur. Subjek dilaporkan oleh ibu bapa dan guru sebagai kanak-kanak yang tidak mengalami masalah bahasa, pendengaran dan memperoleh skor prestasi lingkungan 60% hingga 90% masing-masing dalam ujian pemahaman dan penulisan bahasa Melayu di tadika dan sekolah.

JADUAL 1. Data demografik subjek kajian

Kumpulan	Jantina	Umur
Sekolah rendah		
MH	Lelaki	7;8
NAN	Perempuan	8;6
AN	Perempuan	9;6
Tadika		
MR	Lelaki	4;6
SA	Lelaki	5;6
MF	Lelaki	6;3

### BAHAN AKTIVITI KLAUSA RELATIF

Kajian empirikal ini dijalankan untuk menguji pemahaman dan penghasilan klausa relatif. Aktiviti klausa relatif bahasa Melayu telah dibentuk dengan mengadaptasikan aktiviti Friedmann dan Novogrodsky (2004) dan Novogrodsky dan Friedmann (2006).



Dalam kajian ini aktiviti pemahamanklausa relatif bahasa Melayu yang telah dibentukkan terdiri daripada 20 ayat relatif: 10 klausa relatif subjek (KRS) dan 10 klausa relatif objek (KRO). Aktiviti ini bertujuan untuk menguji kebolehan kanak-kanak memahami ayat relatif bahasa Melayu. Bahan aktiviti terdiri daripada set gambar dan ayat sasaran yang dirakamkan. Subjek perlu mendengar rakaman ayat dan kemudian menunjukkan gambar yang berpadanan dengan ayat yang didengar. Setiap set gambar mengandungi dua gambar yang berlainan. Satu gambar adalah gambar sasaran (contoh: Anjing ini yang menggigit harimau)(KRS) dan satu gambar menunjukkan keterbalikan peranan (contoh: Anjing ini yang harimau gigit)(KRO)(lihat Rajah 1).




RAJAH 1. Contoh item ujian padanan-ayat- bergambar G.

Aktiviti penghasilan klausa relatif bahasa Melayu pula terdiri daripada 24 ayat relatif : 12 ayat relatif subjek dan 12 ayat relatif objek. Terdapat dua bahagian dalam aktiviti ini: Pilihan Gambar (enam struktur KRS dan enam struktur KRO) dan Huraian Gambar (enam struktur KRS dan enam struktur KRO).

Dalam Huraian Gambar, subjek ditunjukkan set gambar yang terdiri daripada dua gambar: gambar pertama memperlihatkan satu watak melakukan perbuatan terhadap watak lain, dan gambar kedua memperlihatkan keterbalikan peranan watak. Kanak-kanak diminta menceritakan dua situasi tersebut menggunakan bahasa yang mudah. Contoh arahan yang diberikan adalah:

*Dalam gambar ini ada ibu dan kakak. Gambar satu, ibu peluk kakak dan gambar dua, kakak peluk ibu. Cuba adik ceritakan gambar ini (tunjuk kepada gambar). Mulai dengan “Ini gambar ibu...” (Sila rujuk rajah 2).*

- (21) Ayat sasaran: Ini gambar ibu yang peluk kakak (elisitasi Subjek Relatif / KRS)  
*Gambar kedua, kakak peluk ibu (tunjuk kepada gambar) Mulai dengan “Ini gambar ibu...”*
- (22) Ayat sasaran: Ini gambar kakak yang peluk ibu. (elisitasi Objek Relatif / KRO)




RAJAH 2. Contoh item Huraian Gambar

Pilihan Gambar pula terdiri daripada dua bahagian. Satu bahagian adalah elisitasi klausa relatif subjek dan satu lagi merupakan elisitasi klausa relatif objek. Kanak-kanak memilih satu gambar yang disukai daripada dua gambar yang diberikan. Dalam Pilihan Gambar–elisitasi klausa relatif subjek, jawapan yang diberikan oleh subjek akan menggunakan klausa relatif subjek. Contoh arahan kepada subjek adalah seperti berikut:

(23) Dalam gambar ini ada dua orang kakak. Gambar pertama kakak pegang bunga dan gambar kedua, kakak pegang ikan. Adik suka gambar yang mana? Adik mulai dengan “Saya suka gambar...”

Jawapan sasaran: Saya suka gambar kakak yang pegang bunga.




RAJAH 3. Contoh item Pilihan Gambar klausa relatif subjek (KRS)

Dalam Pilihan Gambar – elisitasi klausa relatif objek, arahnya adalah seperti berikut:

(24) Dalam gambar ini ada dua orang adik. Gambar pertama nenek pegang pipi adik, dan gambar dua ibu pegang pipi adik yang lain. Adik suka gambar yang mana? Adik mulai dengan “Saya suka gambar...(tunjuk gambar watak)”.

Jawapan sasaran: Saya suka gambar adik yang pipinya nenek pegang.



RAJAH 4. Contoh Pilihan Gambar item klausa relatif objek (KRO)

#### PROSEDUR PELAKSANAAN UJIAN

Semua aktiviti menguji pemahaman dan penghasilan klausa relatif dijalankan di dalam bilik yang senyap sama ada di rumah atau di sekolah. Keseluruhan aktiviti ini dirakamkan dengan menggunakan rakaman video Sony hdr-SR12w. Satu aktiviti bebas sama ada bermain lego atau bercerita dijalankan untuk menjalinkan hubungan serasi dengan subjek. Bagi setiap aktiviti, arahan tentang aktiviti dan sesi latihan dalam bentuk beberapa ayat latihan dan gambar latihan diberikan sebelum aktiviti sebenar dijalankan. Tujuannya supaya kanak-kanak dapat memahami dengan jelas arahan dan tugas yang perlu mereka lakukan dalam aktiviti yang diberikan. Sebagai latihan, sebarang kesalahan respons yang diberikan oleh kanak-kanak dalam sesi latihan akan diperbetulkan oleh penguji. Namun, semasa aktiviti sebenar dijalankan, tiada pembetulan dan tiada kiu yang boleh diberikan. Penguji akan memberikan pujian dan kata rangsangan seperti ‘bagus’, ‘pandai’ dan sebagainya.

Aktiviti bermula dengan aktiviti menguji pemahaman klausa relatif diikuti oleh aktiviti menguji penghasilan klausa relatif. Jika kanak-kanak membetulkan responsnya sendiri, respons terakhir akan diterima sebagai jawapan tanpa mengambil kira sama ada respons tersebut betul atau salah. Tiada peruntukan masa yang ditetapkan untuk semua aktiviti. Sekiranya subjek kelihatan letih, penguji boleh memberikan sedikit masa rehat sebelum menyambung semula aktiviti tersebut.

### TRANSKRIP DAN PROSEDUR PEMBERIAN SKOR

Semua respons kanak-kanak dicatatkan dalam borang skor. Kaedah prosedur pemberian skor dalam kajian ini diadaptasi daripada Contemori dan Garraffa (2010) dan Norhaida (2007). Respons kanak-kanak dikategorikan sebagai respons betul dan salah. Dalam aktiviti pemahaman, skor 1 untuk respons yang betul dan skor 0 untuk respons yang salah. Keseluruhan respons yang betul dijumlahkan. Skor maksimum bagi aktiviti pemahaman ialah 20.

Bagi aktiviti penghasilan, skor 1 diberikan jika kanak-kanak menghasilkan ayat yang disasarkan oleh kedua-dua aktiviti penghasilan. Jika kanak-kanak menukarkan kata ganti diri seperti 'kakak' kepada 'adik' atau melakukan sebutan yang salah seperti 'ini' kepada 'ni', respons ini diterima sebagai respons yang betul kerana respons ini tidak menjejaskan kegramatisan ayat. Respons yang salah diberikan skor 0. Kesalahan respons dibahagikan kepada dua, iaitu; kesalahan struktur dan kesalahan kosa kata. Kesalahan struktur merangkumi kesalahan penukaran urutan kata dan struktur ayat manakala kesalahan kosa kata merujuk kepada sebarang pengguguran, penggantian dan penambahan kata. Jika berlaku keadaan di mana respons kanak-kanak mengandungi kedua-dua jenis kesalahan ini, contohnya subjek kanak-kanak menggugurkan 'yang' (kesalahan kosa kata) dan kesalahan struktur ayat (kesalahan struktur), maka kedua-dua kesalahan ini akan dilaporkan dalam analisis kualitatif dan direkodkan sebagai kesalahan struktur diikuti kesalahan kosa kata.

### ANALISIS DATA

Keseluruhan pencapaian aktiviti pemahaman dan penghasilan dibandingkan antara dua kumpulan kanak-kanak. Dalam kajian ini, data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Analisis kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi bagi jawapan yang betul dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21.0. Analisis kualitatif pula dibuat terhadap jawapan yang salah. Kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak dikenal pasti berdasarkan kekerapan bilangan subjek melakukan kesalahan.

### DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, didapati prestasi kumpulan subjek kanak-kanak sekolah rendah adalah lebih baik daripada kumpulan subjek tadika dalam aktiviti pemahaman dan penghasilan ayat relatif. Di samping itu, hasil kajian daripada kedua-dua aktiviti menunjukkan prestasi kumpulan kanak-kanak dalam pemahaman adalah lebih baik daripada prestasi penghasilan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa struktur binaan KRO merupakan struktur yang sukar dan lewat diperolehi berbanding dengan struktur KRS.

### DAPATAN BAGI ASPEK PEMAHAMAN

Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa tidak berlaku perbezaan signifikan dalam prestasi pemahaman KRS dan KRO bagi kedua-dua kumpulan kanak-kanak (tadika:  $\chi^2(4) = 6.000, p = .19$ ; sekolah rendah:  $\chi^2(4) = .000, p = 1.00$ ). Ini menunjukkan bahawa prestasi pemahaman klausa relatif kumpulan subjek kanak-kanak sekolah rendah adalah serupa dengan kumpulan subjek kanak-kanak tadika. Jadual 2 memperlihatkan keputusan individu daripada kedua-dua kumpulan tersebut.

JADUAL 2. Skor Individu Dalam Aktiviti Pemahaman: Peratus Betul Bagi KRSDan KRO

	KRS	KRO
<b>Subjek kumpulan tadika</b>		
MR (4;6)	60	50
SA (5;6)	100	100
MF (6;3)	80	80
<b>Subjek kumpulan sekolah rendah</b>		
MH (7;8)	100	100
NAN (8;6)	100	100
AN (9;6)	100	100

Pada peringkat skor individu bagi kedua-dua struktur, skor prestasi kumpulan subjek sekolah rendah berada pada prestasi melebihi kebarangkalian (*above chance*). Manakala, bagi prestasi kumpulan subjek tadika dalam struktur KRS, prestasi subjek MR dan MF berada pada kebarangkalian (*at chance*) (MR,  $p = .75$ ; MF,  $p = .10$ ). Bagi struktur KRO pula, prestasi subjek MR berada pada bawah kebarangkalian (*below chance*) dan MF tadika berada pada kebarangkalian (*at chance*) (MR,  $p = .62$ ; MF,  $p = .10$ )<sup>3</sup>.

#### DAPATAN BAGI ASPEK PENGHASILAN

Jadual 3 memperlihatkan keputusan penghasilan klausa relatif. Hasil ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa skor prestasi kumpulan subjek kanak-kanak sekolah rendah secara signifikannya lebih tinggi daripada skor prestasi kumpulan subjek kanak-kanak tadika bagi struktur KRS dan KRO. Subjek kanak-kanak sekolah rendah secara signifikannya lebih banyak menghasilkan ayat sasaran bagi struktur KRS berbanding subjek kanak-kanak tadika (Tadika:  $\chi^2 (1) = 31.005, p < .0001$ ) dan secara signifikannya lebih banyak menghasilkan ayat sasaran KRO berbanding subjek kumpulan tadika (Tadika:  $\chi^2 (1) = 67.175, p < .0001$ ).

Di samping itu, analisis dalam kumpulan menunjukkan bahawa kedua-dua subjek kumpulan secara signifikannya menghasilkan struktur KRS lebih tepat berbanding struktur KRO (sekolah rendah:  $\chi^2 (1) = 15.00, p < .001$ ; tadika:  $\chi^2 (1) = 9.150, p = .002$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa prestasi bagi kedua-dua struktur klausa adalah berbeza bagi kedua-dua kumpulan subjek kanak-kanak.

JADUAL 3. Skor Individu Dalam Aktiviti Penghasilan: Peratus Betul Bagi KRS Dan KRO

	KRS	KRO
<b>Kumpulan subjek tadika</b>		
MR (4;6)	33	0
SA (5;6)	59	17
MF (6;3)	67	0
<b>Kumpulan subjek sekolah rendah</b>		
MH (7;8)	92	42
NAN (8;6)	100	42
AN (9;6)	83	25

#### PEMAHAMAN BAHASA BERLAWANAN PENGHASILAN BAHASA

Di samping itu, kajian ini turut membandingkan pencapaian pemahaman dan penghasilan struktur KRS dan KRO untuk kedua-dua subjek kumpulan.<sup>4</sup> Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pemahaman dengan penghasilan KRS antara kedua-dua kumpulan subjek. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan antara pemahaman dengan penghasilan KRO bagi kedua-dua kumpulan subjek ( $p = .003$ ).

### ANALISIS CORAK KESALAHAN

Jenis kesalahan yang dihasilkan oleh kumpulan subjek bagi struktur KRS dan KRO yang tidak menepati ayat sasaran dipaparkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5. Daripada Jadual 4, dipaparkan bahawa kumpulan subjek tadika (61.5%) lebih banyak menghasilkan kesalahan berbanding kumpulan subjek sekolah rendah (38.5%).

JADUAL 4. Kategori kesalahan penghasilan aktiviti elisitasi bagi struktur KRS

Jenis kesalahan	Kump subjek sekolah rendah			Kump subjek tadika			Jumlah keseluruhan
	MH (7;8)	NAN (5;6)	AN (9;6)	MR (4;6)	SA (5;6)	AN (9;6)	
Pengguguran 'yang'	1	1	1	1	1	1	6
Pengguguran kata kerja	0	0	0	1	0	0	1
Penggantian kata kerja	0	0	0	0	1	0	1
Penggantian kata nama	0	0	0	0	1	0	1
Penambahan leksikal	0	1	0	0	1	0	2
Tiada respons	0	0	0	0	0	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>12</b>

Berdasarkan Jadual 4, didapati juga semua subjek kanak-kanak melakukan kesalahan menggugurkan 'yang' seperti dalam (25). Ini bermaksud subjek kedua-dua kumpulan lebih selesa menggunakan ayat relatif tanpa kata relatif 'yang'.

- (25) Saya suka gambar \_\_ budak lelaki tendang bola (kump sekolah rendah: AN 9;6)  
Sasaran KRS : Saya suka gambar budak lelaki yang menendang bola.

Seterusnya, hanya kumpulan subjek tadika sahaja yang melakukan kesalahan leksikal termasuklah kesalahan penggantian kata kerja dan kata nama, dan kesalahan penambahan kata. Kesalahan pengguguran kata kerja dilakukan oleh subjek kanak-kanak MR seperti dalam ayat (26). Kesalahan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lebih muda tidak menghasilkan struktur KRS tetapi menamakan FDet 'kakak' dan 'adik'. Ayat (26) menggambarkan kumpulan subjek tadika masih menggunakan kemahiran bahasa yang asas iaitu penamaan dan bukan penghuraian gambar seperti yang diperlukan dalam konteks tersebut. Penamaan merupakan satu kemahiran bahasa yang asas dalam perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak (Guasti, 2002).

- (26) Ini gambar kakak ini gambar adik (Kump tadika: MR 4;6)  
Sasaran KRS: Ini gambar kakak yang tolak adik.

Kesalahan penambahan kata iaitu penentu 'itu' yang dilakukan oleh seorang subjek daripada kumpulan sekolah rendah iaitu NAN didapati tidak mengubah makna yang diungkapkan oleh gambar dalam kedua-dua aktiviti elisitasi.

- (27) Saya suka gambar budak lelaki yang makan aiskrim **itu** (Kump sek rendah: NAN 8;6)  
Sasaran KRS: Saya suka gambar budak lelaki yang makan aiskrim.

Walau bagaimanapun, hal yang berbeza ditemui dalam kesalahan penambahan dan penggantian kata yang dilakukan oleh subjek kumpulan tadika. Kesalahan menggantikan kata kerja kepada kata kerja lain seperti dalam (28) dan menambahkan unit leksikal (29) telah mengubah makna yang diperihalkan oleh gambar seperti berikut:

- (28) Saya suka gambar budak perempuan yang **buat** gambar (kump tadika: SA 5;6)  
Sasaran KRS: Saya suka gambar budak perempuan yang lukis gambar.  
(29) Saya suka gambar budak lelaki yang **tak** makan epal (SA 5;6)  
Sasaran KRS: Saya suka gambar budak lelaki yang memegang epal.

Kesalahan dalam (28) menunjukkan subjek SA menghasilkan ayat yang tidak berpadanan dengan gambar aktiviti yang memperlihatkan kanak-kanak perempuan melukis gambar. SA memberikan kata kerja 'buat' yang merupakan hiponim kepada kata kerja 'lukis'. Bagi contoh (29), ujaran SA merujuk kepada gambar budak lelaki yang memegang epal tetapi menghasilkan kata nafi 'tak' yang telah mengubah makna daripada ayat yang disasarkan. Makna yang disampaikan adalah agak umum iaitu 'tak makan epal' berbanding dengan jawapan sasaran 'memegang epal'. Perbandingan (27) dan (28-29) menunjukkan kematangan tatabahasa Subjek SA berbanding dengan tatabahasa subjek kumpulan tadika iaitu SA. SA didapati berupaya menghasilkan struktur KRS tetapi melakukan kesalahan leksikal.

Seorang subjek daripada kumpulan subjek tadika juga melakukan kesalahan 'tiada respons'. Kesalahan ini tidak dilakukan oleh kumpulan subjek sekolah rendah.

Jadual 5 menunjukkan kesalahan kedua-dua kumpulan dalam struktur KRO.

JADUAL 5. Kategori kesalahan aktiviti elisitasi penghasilan bagi struktur KRO

Jenis kesalahan	Kump sek rendah			Kump Tadika			Jumlah keseluruhan
	MH (7;8)	NAN (5;6)	AN (9;6)	MR (4;6)	SA (5;6)	MF (6;8)	
Pengguguran 'yang'	1	1	1	1	1	1	6
Penggantian struktur KRO → KRS	1	1	1	1	1	1	6
Penggantian ayat pasif	1	0	1	0	1	0	3
Penggantian kata kerja	0	0	0	1	1	0	2
Penggantian kata nama	0	1	0	1	1	0	3
Pengguguran kata kerja	0	0	0	1	0	1	2
Tidak gramatis	0	0	0	0	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>4</b>	<b>24</b>

Sebagaimana pencapaian dalam struktur KRS, didapati kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan subjek tadika (62.5%) adalah lebih tinggi daripada kumpulan subjek sekolah rendah (37.5%). Subjek kanak-kanak daripada kedua-dua kumpulan menghasilkan struktur KRO dengan menggugurkan kata relatif 'yang' sama seperti menghasilkan struktur KRS yang merupakan struktur ayat relatif dalam variasi bahasa Melayu kolokial seperti dalam (30):

- (30) Saya suka gambar budak lelaki \_\_\_\_\_ doktor selimutkan (Kump Tadika: MF 6;3)  
Sasaran KRO: Saya suka gambar budak lelaki yang doktor selimutkan.

Di samping itu, terdapat kecenderungan bagi semua subjek dalam kedua-dua kumpulan untuk menggantikan struktur KRO yang disasarkan kepada struktur KRS. Kesalahan ini dilakukan oleh semua subjek daripada kedua-dua kumpulan. Misalnya:

- (31) Saya suka gambar budak lelaki yang cuci rambut (kump Tadika : MF 6;3)  
Sasaran KRO: Saya suka gambar budak lelaki yang rambutnya abang cuci.

Berdasarkan ayat sasaran (31), subjek kanak-kanak MF sepatutnya menghasilkan ayat berstruktur KRO; iaitu subjek FDet ialah 'abang' dan struktur KRO FDet 'budak lelaki yang rambutnya dicuci' telah dikedepankan ke awal ayat. Walau bagaimanapun, berdasarkan respons MF, MF telah menghasilkan struktur KRS; yakni FDet ayat relatif telah menjadi subjek kepada kata kerja 'cuci' dan FDet 'abang' digugurkan. Malah, MF memberikan tiga FDet argumen sahaja berbanding dengan empat FDet argumen yang diperlukan dalam ayat sasaran.

Selain itu, subjek kanak-kanak juga menggantikan struktur KRO dengan struktur ayat pasif (Kump sek rendah: 8.3%, Kump tadika : 4.1%) seperti dalam (32) dan (33):

- (32) Saya suka gambar budak perempuan dipegang oleh kakak.  
(Kump sek rendah: AN 9;6)  
Sasaran KRO: Saya suka gambar budak perempuan yang pipinya nenek pegang.
- (33) Ini gambar Siti yang kena kejar dengan kakak (Kump tadika: SA 5;6)  
Sasaran KRO: Ini gambar Siti yang kejar kakak.

Ayat (32) dengan penggunaan imbuhan ‘di-’ merupakan ayat pasif variasi bahasa standard manakala ayat (33) merupakan ayat yang mengandungi kata bantu ‘kena’ pasif iaitu ayat pasif variasi bahasa Melayu kolokial. Kesalahan (32) ditunjukkan oleh penggunaan kata kerja pasif ‘dipegang’ dan pengguguran kata relatif ‘yang’ dan kata nama ‘pipi’. Walau bagaimanapun fungsi FDet ‘budak perempuan’ masih dikekalkan iaitu objek kepada kata kerja ‘pegang’. Pengagihan peranan teta dalam (32) selaras dengan ayat sasaran. Ayat (33) membawa makna yang salah kerana peranan teta ayat sasaran tidak dikekalkan iaitu FDet ‘Siti’ ialah penderita dalam respons SA walhal FDet ‘Siti’ ialah pelaku dalam ayat sasaran. Perbezaan kesalahan antara kedua subjek ini memperlihatkan kematangan tatabahasa subjek AN dan kurang matangnya tatabahasa subjek SA.

Dalam penghasilan KRO, terdapat dua kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak iaitu penggantian kata nama (Kump sek rendah: 4.1%; Kump tadika:8.3%) dan kesalahan penggantian kata kerja (Kump tadika: 8.3%; Kump sek rendah: 0%) dengan kata lain yang sama kelas katanya. Kesalahan (34) memperlihatkan penggantian ganti nama diri ketiga ‘nya’ kepada ‘dia’ dan kata kerja ‘sabunkan’ kepada ‘gosok’ manakala (35) kesalahan menggantikan kata kerja ‘lap’ kepada ‘basuh’:

- (34) Saya suka gambar budak perempuan yang badan **dia** ibu **gosok** (Kump tadika: SA 5;6)  
Sasaran KRO: Saya suka gambar budak perempuan yang badannya ibu **sabunkan**.
- (35) Saya suka gambar budak lelaki ibu basuh **mulut** (Kump tadika: MF 4;6)  
Sasaran KRO: Saya suka gambar budak lelaki yang mulutnya ibu lap.

Kesalahan penggantian unit leksikal ini menunjukkan kata yang digantikan oleh SA masih berhubungan makna. Penggantian ganti nama diri ketiga ‘nya’ kepada ‘dia’ mengekalkan ciri morfologi kata ganti nama diri ketiga tunggal. Penggantian kata kerja ‘sabunkan’ kepada ‘gosok’ dan ‘lap’ kepada ‘basuh’ juga mengekalkan medan makna yang sama. Penggantian ini menggambarkan penggunaan perkataan-perkataan tersebut dalam variasi bahasa Melayu kolokial.

Dalam Jadual 5 juga diperlihatkan kesalahan menggugurkan kata kerja. Kesalahan ini hanya dilakukan oleh subjek kumpulan kanak-kanak tadika sahaja. Sebagaimana dinyatakan di atas, kesalahan ini mencerminkan kemahiran asas berbahasa bagi subjek kumpulan tadika iaitu menyampaikan fungsi penamaan sahaja dalam konteks yang memerlukan fungsi penghuraian. Contohnya dalam (36):

- (36) Ini gambar adik ini gambar kakak (Kump tadika: MR 4;6)  
Sasaran KRO: Ini gambar kakak yang adik tolak.

Terdapat juga kesalahan menghasilkan struktur KRO yang tidak gramatis. Contohnya seperti dalam (37) dan kesalahan ini dilakukan oleh subjek kumpulan tadika.

- (37) Saya suka gambar budak lelaki selimut.  
Sasaran KRO: Saya gambar budak lelaki yang badannya abang selimut.

## PERBINCANGAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kebolehan klausa relatif dalam kalangan kanak-kanak yang mengalami perkembangan bahasa tipikal dalam proses pemerolehan bahasa. Bagi meneliti kebolehan klausa relatif, perbandingan kumpulan kanak-kanak yang berbeza umur dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kebolehan menggunakan klausa relatif antara kumpulan subjek sekolah rendah dan kumpulan subjek tadika terutamanya dalam kebolehan penghasilan. Berdasarkan perbandingan kedua-dua kumpulan subjek, diperlihatkan bahawa struktur KRO merupakan struktur yang sukar dihasilkan oleh kumpulan subjek tadika. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa proses pemerolehan struktur KRO adalah berbeza dengan struktur KRS. Di samping itu, dapatan analisis kualitatif menunjukkan darjah kematangan kebolehan berbahasa yang berbeza bagi kedua-dua kumpulan subjek dalam menggunakan klausa relatif. Kedua-dua kumpulan subjek didapati menggunakan strategi pemudahan ayat dan penggantian dalam menghasilkan struktur klausa relatif. Ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak juga memperlihatkan bahawa kanak-kanak lebih banyak menggunakan variasi bahasa Melayu kolokial daripada variasi bahasa Melayu standard.

## PEMAHAMAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa tidak berlaku perbezaan yang signifikan antara pencapaian struktur KRS dan KRO bagi setiap kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prestasi kedua-dua kumpulan subjek mempunyai kebolehan yang hampir sama untuk memahami kedua-dua struktur klausa ini. Hal ini bertentangan dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lebih muda (umur 4-6 tahun) menghadapi kesukaran untuk memahami struktur KRO (urutan bukan-kanonikal - OSK) berbanding struktur KRS (urutan kanonikal SKO) (Diessel & Tomasello, 2005; Friedmann, Belletti & Rizzi, 2009). Ketiadaan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua subjek ini memberikan gambaran bahawa subjek kanak-kanak dalam kajian ini telah mencapai tahap kematangan dalam sistem kognitif untuk memahami interpretasi ayat. Kebolehan kognitif kanak-kanak berkembang seiring dengan kebolehan bahasanya. Dalam hal ini, bagi struktur KRO kanak-kanak berkebolehan untuk menginterpretasi ayat yang mengandungi dua argumen FDet daripada urutan bukan-kanonikal. Malah, unsur penghalang tidak menjejaskan kebolehan subjek kanak-kanak untuk memahami KRO. Kajian ini menunjukkan bahawa pemerolehan pemahaman struktur KRO dan KRS bagi kesemua kanak-kanak Melayu pada peringkat umur 4-9 tahun dalam kajian ini adalah selari.

Selain itu, hasil kajian ini menunjukkan bagi prestasi KRO, kebolehan pemahaman adalah lebih baik berbanding kebolehan penghasilan. Hal ini memberi gambaran bahawa subjek kanak-kanak ini memperoleh kemahiran pemahaman dahulu diikuti dengan penghasilan dan bersifat universal. Berdasarkan ciri-ciri pemerolehan bahasa dalam kajian ini dapat dikatakan bahawa semasa pemerolehan klausa relatif, subjek kanak-kanak mengenal pasti ujaran-ujaran struktur ayat yang didengarinya, menentukan ujaran tersebut dan menggunakan pengetahuan yang diperolehnya untuk menentukan ungkapan ujaran dan mengecam struktur ayat berkenaan berdasarkan keadaan yang relevan (Clark, 1993). Oleh itu, kebolehan memahami kedua-dua struktur menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan kanak-kanak telah menguasai kebolehan pemahaman klausa relatif.

Walau bagaimanapun, kebolehan memahami struktur KRS dan KRO tidak sejajar dengan kebolehan menghasilkan struktur KRS dan KRO. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan bagi struktur KRS dan KRO pada aspek penghasilan. Perbezaan prestasi dalam pemahaman dan penghasilan menunjukkan bahawa pengetahuan tentang urutan kanonikal yang digunakan dalam pemahaman tidak



dapat diaplikasikan kepada penghasilan bahasa. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh penghasilan klausa relatif yang agak kompleks bagi kumpulan subjek tadika. Tambahan pula, kajian Contemori dan Garraffa (2010) turut mengenal pasti bahawa dalam aktiviti penghasilan, perbezaan struktur antara KRS dan KRO menjejaskan kebolehan penghasilan bagi kumpulan umur kanak-kanak yang lebih muda.

Oleh itu, keupayaan kedua-dua kumpulan kanak-kanak memperlihatkan ketidaksimetrian antara keupayaan tahap pemahaman dan penghasilan.

#### PENGHASILAN

Dalam perbandingan keupayaan penghasilan bahasa, ternyata kebolehan kedua-dua kumpulan subjek adalah berbeza. Hasil analisis kesalahan menunjukkan kumpulan subjek tadika sukar menghasilkan struktur KRO berbanding struktur KRS. Hasil kajian ini selari dengan kajian-kajian terdahulu yang mendapati bahawa kanak-kanak yang lebih muda mengalami kesukaran menghasilkan struktur KRO (Friedmann & Costa, 2010; McKee, McDaniel & Snedeker, 1998; Tavakolian, 1981). Bagi kebolehan KRS, hasil kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak boleh menghasilkan struktur KRS dengan baik. Dapatan kajian ini menyokong andaian Hipotesis Urutan Kata Kanonikal yang menyatakan bahawa kanak-kanak membina urutan bentuk kanonikal berdasarkan input linguistik yang diperolehnya dan menggunakan kerangka urutan tersebut untuk menghasilkan ujaran-ujaran yang relevan dengan inputnya (Diessel & Tomasello, 2000; Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009). Dalam konteks bahasa Melayu, urutan kanonikal untuk ayat mudah ialah urutan SKO. Sehubungan itu, subjek kanak-kanak dalam kajian ini dapat menghasilkan struktur KRS dengan lebih baik daripada struktur KRO kerana struktur KRS menepati aturan bentuk kanonikal.

Sementara itu, bagi kebolehan menghasilkan KRO, kumpulan subjek tadika lebih banyak melakukan kesalahan berbanding kumpulan subjek sekolah rendah. Prestasi ini menandakan struktur KRO adalah agak sukar digunakan oleh kanak-kanak yang lebih muda. Penguasaan tatabahasa kumpulan subjek tadika belum mencapai tahap kematangan bahasa. Mereka cenderung melakukan kesalahan penggantian struktur yang salah (melibatkan peranan teta yang salah), penggantian leksikal yang salah dan tidak bertepatan dengan konteks. Keadaan sebaliknya pula bagi kumpulan kanak-kanak subjek sekolah rendah yang telah mempunyai kematangan dalam sistem tatabahasanya. Justeru, hal ini memudahkan mereka menggunakan struktur sintaksis yang berlainan namun masih menyampaikan makna yang serupa dan penggantian leksikal yang bersamaan medan semantikanya. Di samping itu, kajian ini mendapati bahawa struktur KRO lewat diperoleh. Subjek kanak-kanak cenderung memilih struktur lain seperti struktur pasif dan KRS untuk menggantikan struktur KRO. Kajian terdahulu juga menunjukkan kanak-kanak dengan SLI menghasilkan ayat pasif dalam aktiviti elisitasi ayat relatif (Novogrodsky & Friedmann, 2006) kerana kemungkinan aktiviti elisitasi yang digunakan menyebabkan kanak-kanak lebih selesa menggunakan ayat pasif berbanding KRO yang disasarkan. Sehubungan itu, dalam kes kanak-kanak Melayu dalam kajian ini, mereka juga memperlihatkan kecenderungan yang sama, iaitu; strategi penggantian struktur dengan menghasilkan ayat pasif.

Daripada segi teori sintaksis, kesukaran kanak-kanak menghasilkan struktur KRO dilihat daripada dua aspek. Pertama, aspek penderivasian struktur KRO adalah kompleks dan ini turut disokong oleh Yeoh (1989) yang telah membuktikan bahawa penderivasian KRO adalah kompleks melalui analisis *Accessibility Hierarchy* daripada Keenan dan Comrie (1977). Menurut Yeoh (1989) struktur KRS diderivasikan daripada rumus relatif tetapi struktur KRO diderivasikan daripada interaksi pelbagai rumus iaitu rumus pempasifan dan rumus relatif. Contoh derivasi KRO:

- (38) a. \*Saya suka gambar abang yang abang jururawat selimutkan.  
b. Saya suka gambar abang yang<sub>y</sub> \_\_\_\_\_jururawat selimutkan \_\_\_\_\_y.

Daripada (38a-b), diperlihatkan bahawa untuk menghasilkan struktur KRO, rumus pasif (yang melibatkan derivasi urutan bukan kanonikal) diaplikasikan terlebih dahulu diikuti dengan derivasi objek yang direlativisasikan. Derivasi tanpa melibatkan rumus pasif akan menghasilkan ayat yang tidak gramatis seperti (38a). Derivasi struktur KRO ini ternyata melibatkan interaksi dua rumus secara serentak dan perkara inilah yang telah menyebabkan kekompleksan struktur KRO.

Di samping itu, derivasi struktur KRO ini sejajar dengan andaian hipotesis Jarak Linear antara Pengisi-Gatra Kosong. Hal ini adalah kerana jarak antara gatra kosong dan tempat pendaratan bagi unsur pengisi objek berjauhan secara linear. Pergerakan jauh unsur pengisi daripada kedudukan gatra kosong kepada tempat pendaratan memberikan implikasi kepada kekompleksan struktur dan menyebabkan pemrosesan yang sukar bagi tahap tatabahasa kanak-kanak (Natalie Hsu, Hermon & Zukowski, 2009). Dapatan ini sejajar dengan andaian Hipotesis Jarak Linear yang meramalkan bahawa bagi bahasa yang struktur klausa relatif hadir selepas FD akan menyebabkan pemrosesan derivasi struktur KRO lebih sukar berbanding struktur KRS.

Kedua, kesukaran terhadap struktur KRO juga disebabkan oleh kewujudan elemen penghalang. Kenyataan ini sejajar dengan kenyataan Friedmann, Belletti dan Rizzi (2009) yang menyatakan elemen penghalang telah menyukarkan kanak-kanak menghasilkan struktur KRO. Dalam Program Minimalis, derivasi KRO juga dianggap kompleks berdasarkan syarat *Relativized Minimality*. Hal ini demikian kerana derivasi KRO memerlukan kebolehan sintaksis kanak-kanak memahami pergerakan FDet ke [spes, FKOMP] dan pemetaan peranan teta (Novogrodsky & Friedmann, 2006). Jika berlaku defisit kebolehan bagi kedua-dua aspek ini, ia secara langsung akan menjejaskan kebolehan kanak-kanak menghasilkan struktur KRO. Hakikatnya, daripada kedua-dua aspek ini, diperlihatkan bahawa kematangan kanak-kanak mempengaruhi kebolehan penghasilan mengikut mekanisme rangkaian A'. Berdasarkan Hipotesis Kematangan yang dicadangkan oleh Borer dan Wexler (1987), kanak-kanak tidak berupaya untuk menghasilkan struktur yang melibatkan rangkaian A', pemetaan peranan teta kepada objek yang bergerak kerana mekanisme ini memerlukan kematangan kanak-kanak untuk membentuknya. Sehubungan itu, ternyata data dalam kajian ini membuktikan bahawa faktor kematangan mempengaruhi keupayaan kanak-kanak untuk menghasilkan struktur KRO.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa dalam pemerolehan klausa relatif, kanak-kanak Melayu cenderung menggunakan variasi bahasa Melayu kolokial. Dalam menghasilkan struktur KRS dan KRO, ternyata semua subjek kanak-kanak merentasi kumpulan umur menggugurkan kata relatif 'yang'. Kajian Norhaida (2007) juga turut mendapati pengguguran 'yang' merupakan ciri bahasa Melayu kolokial dan menunjukkan bahawa kata relatif 'yang' dalam variasi Melayu kolokial bersifat opsyenal, seperti dinyatakan oleh Koh (1990). Ini berbeza dengan variasi Melayu standard seperti dinyatakan oleh Nik Safiah et al. (2009), Asmah (2009), dan Za'ba (2000) yang menyatakan kata relatif 'yang' sebagai wajib hadir.

Terdapat beberapa strategi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam menghasilkan klausa relatif yang dianggap menyimpang daripada tatabahasa penutur dewasa. Strategi pemudahan ayat ditunjukkan dengan pelbagai cara seperti struktur KRO yang berfungsi sebagai fungsi penghuraian dipermudahkan kepada fungsi penamaan oleh subjek MR dalam kumpulan subjek tadika. Bukti-bukti lain yang menunjukkan kanak-kanak menggunakan strategi pemudahan adalah dengan menggantikan struktur KRO kepada KRS atau struktur KRO kepada struktur pasif. Pemudahan ini adalah sebahagian daripada proses pemerolehan struktur klausa relatif.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dinyatakan bahawa kanak-kanak menggunakan strategi pemudahan untuk menghasilkan struktur klausa relatif. Ternyata klausa relatif merupakan ayat yang kompleks dan kemungkinan lewat diperoleh oleh kanak-kanak berbanding struktur sintaksis yang lain.

Kebolehan kedua-dua kumpulan memahami kedua-dua urutan memperlihatkan bahawa kemungkinan kedua-dua kumpulan kanak-kanak dalam kajian ini menggunakan pengetahuan tatabahasa variasi bahasa Melayu kolokial yang tersebati dalam memproses pemahaman kedua-dua struktur ayat. Sehubungan itu, kebolehan yang sama antara dua kumpulan yang berbeza umur dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat strategi tatabahasa yang sama digunakan bagi kedua-dua jenis ayat. Namun seperti yang diperlihatkan dalam data kesalahan bahasa, hanya faktor kematangan berbahasa kumpulan subjek sekolah rendah yang kelihatannya menentukan kegramatisan struktur sintaksis atau penggantian leksikal yang dilakukan berbanding dengan kumpulan subjek tadika. Ketidakmatangan tatabahasa kumpulan subjek tadika kerap menghasilkan ayat relatif yang tidak gramatis.

### KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian awal ini telah menunjukkan bahawa keupayaan kanak-kanak dalam klausa relatif adalah bersifat *developmental* atau berkembang sejajar dengan peningkatan umur. Prestasi kanak-kanak yang lebih muda memperlihatkan bahawa mereka menguasai pemahaman struktur KRS dan KRO, tetapi hanya boleh menghasilkan struktur KRS dan belum menguasai struktur ayat KRO. Pencapaian ini menunjukkan struktur KRS merupakan struktur awal diperoleh berbanding dengan struktur ayat KRO. Analisis kesalahan menyumbang kepada maklumat kualitatif tentang proses pemerolehan struktur ayat relatif. Perbincangan data menunjukkan bahawa kemungkinan struktur KRO akan diperolehi apabila kanak-kanak mencapai kematangan dalam penguasaan tatabahasa mereka. Akhir sekali, makalah ini telah membuktikan bahawa struktur klausa relatif bahasa Melayu adalah struktur yang berpotensi untuk menjadi penanda klinikal disebabkan tahap kesukaran yang tinggi dihadapi oleh kanak-kanak Melayu tipikal yang memerolehinya. Di samping itu, struktur klausa relatif dalam variasi bahasa Melayu standard adalah berlainan daripada variasi bahasa Melayu kolokial yang dituturkan oleh kedua-dua kumpulan subjek kanak-kanak dalam kajian ini.

### PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan kepada pihak UKM di atas Geran Universiti Penyelidikan UKM-GUP-2011-134, kanak-kanak yang menyertai kajian ini dan pihak Universiti Sains Malaysia di atas pembiayaan program PhD Norsofiah Abu Bakar. Ucapan istimewa kepada ibu bapa dan guru yang telah banyak membantu dalam pelaksanaan kajian ini.

### NOTA Hujung

<sup>1</sup> Kajian ini menggunakan istilah Frasa Determiner/ FDet. Hal ini adalah kerana frasa determiner diwakili oleh kata penentu 'ini' dan 'itu' dan kata nama sebagai komplemen (Radford, 2009). Walau bagaimanapun, bermula dengan Abney (1987) setiap kata nama yang didahului oleh kata penentu, atau diikuti oleh kata penentu atau kata nama sahaja, unsur ini diletakkan di bawah Frasa Determiner (Radford, 2009).

<sup>2</sup> Bahasa Melayu kolokial merujuk kepada bahasa yang dituturkan dalam konteks tidak rasmi sama ada dalam bentuk lisan dan penulisan.

<sup>3</sup> Nilai  $p$  diperoleh berdasarkan ujian distribusi binomial.

<sup>4</sup> Nilai  $p$  berdasarkan ujian Fisher Exact.

## RUJUKAN

- Adani, F., van der Lely, H. K. J., Forgiarini, M., & Teresa, M. (2010). Grammatical Feature Dissimilarities Make Relative Clauses Easier: A Comprehension Study with Italian Children. *Lingua*. 120(9), 2148-2166.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Belletti, A., Friedmann, N., Brunato, D., & Rizzi, L. (2012). Does Gender Make a Difference? Comparing the Effect of Gender on Children's Comprehension of Relative Clauses in Hebrew and Italian. *Lingua*. 122(10), 1053-1069.
- Borer, H., & Wexler, K. (1987). The Maturation of Syntax. Dlm. Roeper, T., & Williams, E. (pnyt.). *Parameter-Setting and Language Acquisition* (hlm. 123-172). Reidel, Dordrecht: The Netherlands.
- Clark, E. (1993). *The Lexicon in Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Contemori, C., & Garraffa, M. (2010). Comparison of Modalities in SLI Syntax: A Study on the Comprehension and Production of Non-canonical Sentences. *Lingua*. 120, 1940-1955.
- Diessel, H., & Tomasello, M. (2000). The Development of Relative Clauses in Spontaneous Child Speech \*. *Cognitive Linguistics*. 1/2(11), 131-151.
- Diessel, H., & Tomasello, M. (2005). Linguistic Society of America A New Look at the Acquisition of Relative Clauses. *Language*. 81(4), 882-906.
- Fluck, M. J. (1978). Comprehension of Relative Clauses by Children Aged Five to Nine. *Language and Speech*. 21(Part 2), 190-201.
- Friedmann, N., Belletti, A., & Rizzi, L. (2009). Relativized Relatives: Types of Intervention in the Acquisition of A-bar Dependencies. *Lingua*. 119(1), 67-88.
- Friedmann, N., & Costa, J. (2010). The Child Heard a Coordinated Sentence and Wondered: On Children's Difficulty in Understanding Coordination and Relative Clauses with Crossing Dependencies. *Lingua*. 120(6), 1502-1515.
- Friedmann, N., & Novogrodsky, R. (2004). The Acquisition of Relative Clause Comprehension in Hebrew: A Study of SLI and Normal Development. *Journal of Child Language*. 31(3), 661-681.
- Guasti, M. T. (2002). *Language Acquisition The Growth of Grammar*. Cambridge: The MIT Press.
- Håkansson, G., & Hansson, K. (2000). Comprehension and Production of Relative Clauses: A Comparison between Swedish Impaired and Unimpaired Children. *Journal of Child Language*. 27, 313-333.
- Leonard, L. B. (1998). *Children with Specific Language Impairment*. Cambridge: MIT Press.
- McKee, C., McDaniel, D., & Snedeker, J. (1998). Relatives Children Say. *Journal of Psycholinguistic Research*. 27, 573-596.
- Natalie Hsu, C. C., Hermon, G., & Zukowski, A. (2009). Young Children's Production of Head-final Relative Clauses: Elicited Production Data from Chinese Children. *Journal of East Asian Linguistics*. 18, 323-360.
- Nik Safiah Karim, Farid M Onn, Hashim Hj Musa, & Mahmood, A. H. (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhaida Aman. (2007). *The Acquisition of Malay Wh-Questions*. Muenchen: LINCOM GmbH.
- Novogrodsky, R., & Friedmann, N. (2006). The Production of Relative Clauses in Syntactic SLI: A Window to the Nature of the Impairment. *International Journal of Speech-Language Pathology*. 8, 364-375.
- Ooi, C.W. C., Wong, M.Y. A., Ooi, C. C., & Wong, A. M. (2012). Assessing Bilingual

- Chinese-English Young Children in Malaysia using Language Sample Measures. *International Journal of Speech-Language Pathology*. 14(6), 499-508.
- Radford, A. (2009). *Analysing English Sentences A Minimalist Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Stark, E. R., & Tallal, P. (1981). Selection of Children with Specific Language Deficits. *American Journal of Speech-Language Pathology/American Speech-Language-Hearing Association*. 46(May), 114-122.
- Salehuddin, K. & Winskel, H. (2012). Malay Numeral Classifier Usage In Caretaker-child Talk. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 89-104.
- Tallerman, M. (1998). *Understanding Syntax*. London: Arnold.
- Tavakolian, S. L. (1981). The Conjoined-Clause Analysis of Relative Clauses. In S. L. Tavakolian (Ed.). *Language Acquisition and Linguistic Theory*. Cambridge: The MIT Press.
- Woon, C. P., Yap, N. T., Lim, H. W., & Wong, B. E. (2014). Measuring Grammatical Development in Bilingual Mandarin-English Speaking Children with a Sentence Repetition Task. *Journal of Education and Learning*. 3(3).
- Yeoh Chiang Kee. (1983). The Accessibility Hierarchy and Restrictive Relative Clauses in Bahasa Malaysia/Indonesia. *Jurnal Persatuan Linguistik*. 1 (1), 78-99.
- Zainal Abidin Ahmad. (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PENULIS

Norsofiah Abu Bakar ialah calon Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik Klinikal di Program Sains Pertuturan, Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sintaksis bahasa Melayu khususnya pemerolehan bahasa kanak-kanak tipikal dan atipikal. Kini beliau merupakan pensyarah sandaran di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.

Rogayah A. Razak ialah Profesor Madya (linguistik klinikal) dan pensyarah di Program Sains Pertuturan, Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi, Fakulti Sains Kesihatan, UKM. Penyelidikannya tertumpu kepada perkembangan bahasa tipikal dan atipikal kanak-kanak dan pembentukan alat penilaian bahasa. Huraian terperinci profil akademik boleh didapati di: <https://ukm.academia.edu/RogayahARazak>.

Lim Hui Woan ialah pensyarah kanan di Program Sains Pertuturan, Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi, Fakulti Sains Kesihatan, UKM. Penyelidikan beliau tertumpu kepada perkembangan bahasa tipikal dan atipikal dalam kalangan kanak-kanak bilingual dan multilingual Malaysia yang menggunakan pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil.